

The logo for 'CREATE e-newsletter' is displayed on a dark blue background. The word 'CREATE' is in a large, white, sans-serif font, with the letter 'R' highlighted in yellow. Below it, the words 'e-newsletter' are written in a smaller, white, lowercase, sans-serif font.

CREATE

e-newsletter

UMP sumbang 10,000 sarung tangan kepada hospital di Hebi

Oleh: FATIN ZAHIRAH MANSUR, JABATAN HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyumbang 10,000 pasang sarung tangan perubatan kepada selat Hebi, Hebi, Pahang, disebabkan penularan *coronavirus* (Covid-19).

Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff menyerahkan sarung tangan tersebut kepada Confucius Institute (CI) UMP.

Majlis penyerahan tersebut berlaku di *Confucius Institute*, UMP Pekan pada 11 Mac 2020 yang lalu.

Hebei University ialah rakan strategik UMP dalam kerjasama bersama Institut *Confucius Institute* UMP.

Malaysia ialah pengeluar sarung tangan perubatan terbesar di dunia.

Menurut Profesor Ir. Dr. Wan Azhar, UMP mengambil inisiatif untuk menghantar sarung tangan perubatan kepada Hebei University memandangkan China sekarang berhadapan dengan kekurangan bekalan perubatan.

“UMP berhasrat untuk membantu China dalam membendung Covid-19.

“Kami doakan semoga Covid-19 akan menjadi terkawal di China dan semua negara yang terlibat akan bebas dari wabak ini.”

UMP Laksana Dasar ‘Bekerja Dari Rumah’

Oleh: NUR SA'ADATUL AFZAN JUSOH, UNIT PERHUBUNGAN AWAM, PEJABAT NAIB CANSOLOR

Akur terhadap pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lanjutan negara berdepan dengan pandemik Covid-19, saya sebagai pegawai perhubungan awam memberikan suatu pengalaman luar biasa buat warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang mematuhi perintah kawalan pergerakan sejak 18 Mac 2020 yang lalu.

Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar), Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTK), melihat daripada suatu sudut terhadap pelaksanaan bekerja dari rumah ini memberi lebih fleksibiliti buat pegawai perhubungan awam.

“Masa untuk bersedia ke tempat kerja dapat dijimatkan.

“Sebagai contoh, perjalanan saya ke tempat kerja mengambil masa dalam 30 minit sehalu. Persiapan pakaian dan peralatan pejabat serta urusan berkaitan panggilan video.

“Namun, pada pendapat saya cabaran utama kebanyakan pekerja adalah sikap disiplin untuk terus ke tempat kerja walaupun berhadapan dengan pihak lain.

“Cabaran ini boleh mengganggu produktiviti dan kualiti kerja sekiranya tidak diurus dengan baik,” katanya.

Tambah beliau lagi, pada masa yang sama, kekurangan kemudahan peralatan pejabat mungkin menjadi cabaran utama, terutamanya komputer dan gangguan kemudahan Internet yang gagal berfungsi dengan baik.

“Bagi staf akademik pula, cabaran utama adalah berkaitan penilaian pengajaran. Pensyarah perlu kreatif dalam menilai pelajar secara dalam talian dan tanpa perlu kehadiran secara fizikal seperti ujian bertulis yang dijalankan di bilik kuliah.”

“Selain itu, sesi pengajaran dan pembelajaran juga boleh mengalami gangguan memandangkan terdapat kawasan yang tidak dapat dicapai dari dalam kawasan UMP sendiri berbanding di luar kampus.

“Namun, ia bukan halangan buat pensyarah menggunakan kemahiran dan teknologi dalam memastikan pembelajaran diteruskan dengan cara terbaik.

“Terutamanya melibatkan urusan kerja berkaitan pengajaran dan pembelajaran, kemudahan Internet dan akses keutamaan,” katanya.

Dalam pada itu, Ketua Program (Pengurusan Projek) Fakulti Pengurusan Industri (FPI), Dr. Nurhaizan Mohd. Yusoff, berkata bekerja dari rumah ini sebagai usaha mengurangkan risiko jangkitan Covid-19.

Walau bagaimanapun, Dr. Nurhaizan memberitahu konsentrasi dan produktiviti adalah penting sepanjang masa.

“Ketika fasa bekerja dari rumah ini, kemungkinan untuk informasi sulit dan persendirian bocor adalah lebih tinggi. Oleh itu, mengenai etika bekerja dari rumah perlu dipertingkatkan,” katanya.

Manakala menurut Penolong Pendaftar, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pendaftar, Nor Fadzillah yang panjang seperti ini merupakan perkara baharu buatnya.

Walaupun berada di rumah, beliau masih boleh menyiapkan tugas yang diberi oleh ketua tanpa tekad kondusif.

“Namun, situasi berdepan dengan gangguan terutamanya melibatkan anak tatkala berada di rumah juga mendapat bantuan serta kerjasama pasangan atau ahli keluarga lain.

“Dalam memastikan tugas dapat dilaksanakan dengan baik, kemudahan rangkaian jalur lebar khas mengakses sistem adalah sangat membantu terutamanya di sesetengah lokasi kediaman yang tidak mencukupi,” katanya.

Ketua Program (Sarjana Pentadbiran Perniagaan), Dr. Suhaidah Hussain turut berkongsi pengalaman merujuk pelajar memulakan cuti semester baru-baru ini.

“Kaedah ini sangat membantu pensyarah dan pelajar untuk meneruskan pembelajaran secara maya.

“Di samping itu, bagi kelas tutorial, forum di antara pelajar dan pensyarah juga dapat dijalankan dengan beliau.

Semua pegawai perkhidmatan awam diarah bekerja dari rumah berikutan Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa kepada tarikh baharu, 14 April 2020 di seluruh negara bagi mengekang penularan wabak COVID-19 di negara ini. Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini.

Arahan tersebut turut terpakai untuk sektor swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan perkhidmatan telekomunikasi, pos, pengangkutan, minyak, gas, bahan api, dan sebagainya.

‘Ibu dan ayah’ buat mahasiswa di Kolej Kediaman

Selain pengorbanan petugas kesihatan dan keselamatan yang bertugas di barisan hadapan dalam Perintah Kawalan Pergerakan negara memerangi penularan wabak Covid-19, peranan pengetua dan felo Kolej Kediaman juga penting untuk memastikan kesihatan warga kampus berada di tahap terbaik.

Menurut Pengetua Kolej Kediaman 3, Rosjuliana Hidayu Rosli, beliau menganggap tugasnya adalah memastikan mahasiswa dapat menjalani kehidupan di dalam kampus ketika perintah kawalan berkuatkuasa dengan keadaan baik dan terkawal.

“Sepanjang PKP ini, para pengetua kolej kediaman perlu sentiasa mengemas kini maklumat untuk disebarkan kepada mahasiswa.

semua arahan dipatuhi termasuklah yang penting pada masa ini, iaitu set kebersihan diri sebagai keperluan

“Selain itu juga, penyediaan makanan akan sentiasa dipastikan bersih dan mendapat bekalan makanan yang

“Agihan makanan sentiasa dilaksanakan mengikut masa yang ditetapkan dan pengagihan makanan diselenggarakan bagi mengurangkan pergerakan mahasiswa,” katanya.

Jelas beliau lagi, pada masa yang sama, pengurusan universiti turut menyediakan peruntukan kecenderungan keperluan kepada pelajar yang memerlukan.

“Mulai dari hari pertama tempoh kawalan pergerakan, pengetua dan felo telah bersiap sedia mengawal mahasiswa tenang dan mengikuti prosedur yang ditetapkan.

“Pihaknya juga menggunakan media sosial dan aplikasi mesej segera seperti *WhatsApp* sebagai medium untuk segala informasi dikongsikan di situ.

“Ini termasuklah mereka dari negeri Sabah yang menginap di luar kampus dan tinggal keseorangan turut diawasi di kampus.

“Saya menganggap mereka ini seperti puteri-puteri saya kerana mereka merupakan amanah ayah dan ibu.

“Setiap malam rondaan akan dibuat di kolej kediaman demi memastikan keselamatan mereka. Saya dapat menahan senyum, reda dan sabar dalam situasi ini,” ujarnya.

Beliau bersyukur mempunyai pasukan felo dan pembantu felo yang mempunyai sinergi yang baik dalam menghadapi dengan itu masa bersama keluarga dan kerjaya dapat dibahagikan dengan baik.

Manakala bagi Pengetua Kolej Kediaman 4, Nasrul Salim Pakheri pula berkata, hampir 80 pelajar lelaki yang tinggal di kolej yang tenang.

Ujarnya, setiap hari dilaksanakan saringan kesihatan dengan memeriksa suhu badan kepada semua pelajar yang tinggal di kolej.

“Langkah ini bagi membendung penularan wabak dan memastikan kesihatan pelajar setiap hari.

“Selain mahasiswa di dalam kampus, pihaknya juga akan mengambil perhatian terhadap kebajikan mereka di luar kampus dalam memastikan penyediaan makanan kepada mereka.

“Mahasiswa tidak perlu risau dengan keperluan harian mereka kerana di dalam kampus terdapat kedai untuk membeli keperluan mengikut masa operasi yang ditetapkan,” katanya.

Namun jelas beliau lagi, sekiranya keperluan tersebut tiada atau kehabisan di kedai tersebut, pengetua akan menyediakan keperluan sekiranya mendesak.

Beliau juga kerap menasihati mahasiswa agar cakna terhadap kesihatan dan kebersihan diri selain mendedikasikan masa mengulang kaji pelajaran dan menggunakan masa dengan membuat perkara yang berfaedah.

Pada masa ini, terdapat seramai 1,005 mahasiswa menerima bantuan makanan percuma yang diagihkan di sampingan di UMP *Campus Pantry* sepanjang tempoh PKP yang berlanjutan sehingga 14 April depan.

Mahasiswa juga boleh mendapatkan khidmat bimbingan kaunseling secara atas talian atau menghubungi

Mahasiswa UMP tenang di kampus

Keselamatan dan kesihatan seramai hampir 1,000 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang tinggal dalam mahupun di luar kampus sentiasa menjadi keutamaan pihak universiti.

Dengan kemudahan kafeteria dan kedai runcit yang beroperasi mulai jam 7 pagi hingga 7 malam seramai 100, pastinya melegakan pelajar yang kini sedang mengikuti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, pihak universiti menyediakan makanan percuma buat pelajar.

“Selain itu, makanan kering turut diagihkan daripada UMP *Campus Pantry* mahupun sumbangan daripada masyarakat.

“Mereka juga dibekalkan keperluan asas seperti sabun dan syampu untuk kebersihan diri.

“Pada masa pematuhan pengawalan pergerakan ini tidak membenarkan pelajar berkumpul dan mereka mengamalkan jarak sosial termasuklah ketika mengambil makanan.

Di kampus, mereka bebas menjalankan aktiviti masing-masing dan pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar menyediakan program bersifat *online* dengan menggunakan komputer seperti pertandingan video pendek dan sukan *e-Sports*.

Beliau mengharapkan para ibu bapa dan keluarga tidak perlu bimbang keadaan anak mereka selagi mereka berada di kampus.

“Pihak universiti sentiasa memastikan pelajar mematuhi peraturan dan garis panduan serta mengikut piawaian keselamatan UMP.

“Pelajar yang mempunyai gejala tidak sihat boleh ke Pusat Kesihatan Universiti (PKU) yang beroperasi set 24 jam dalam memastikan keselamatan dan pergerakan keluar masuk pelajar.

“Selain itu, bangunan kolej kediaman dicuci setiap hari bagi memastikan kebersihan berada pada tahap ter

Tambah beliau, pihaknya menghargai sumbangan yang diterima daripada pihak luar termasuklah d Berhormat Mohd. Shahrul Abdullah, Yayasan Sabah, NGO, *Food Hunger* dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan menyumbang makanan pagi, tengah hari dan malam buat pelajar termasuk yang berada di luar kampus.

“Bagi memastikan kawalan keselamatan dan kesihatan warga kampus, para penyumbang dan pelajar l dibenarkan berurusan di hadapan pondok pengawal UMP selain mengawal jarak sosial sebagai mematuhi

Bagi mahasiswa Fakulti Komputeran, Aishah Umairah Sutrisno Karsono Sadiam yang berasal dari Kan memandangkan tidak pernah berdepan dengan situasi sebegini.

Kerisauan terhadap penularan wabak Covid-19 ini menyebabkan beliau membuat keputusan untuk tingga pelajar lain bercuti semester di kampung.

Katanya, masanya banyak dimanfaatkan dengan membaca buku, mengemas bilik ataupun mengasah bak

“Setakat ini segala kemudahan mencukupi dan para pelajar yang tinggal di kampus tiada masalah den kafeteria dan PKU masih lagi dibuka seperti biasa,” katanya.

Manakala bagi Mohd Asraf Andman, 23 pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Kolej Kejuruteraan yang be dan tenang tinggal di kampus.

“Tiada kerisauan tentang makanan kerana mereka terutamanya pelajar Sabah menerima bantuan ole Perhubungan Negeri Sabah di Kuala Lumpur.

“Pihak UMP juga ada memberi membantu pelajar dengan agihan *Food Kit* sebagai makanan sampingan.

“Selain membuat ulang kaji, banyak masanya digunakan melayari Internet dan mengakses permainan *onli*

Beliau sendiri akan memastikan amalan jarak selamat (*social distancing*), kerap membasuh tangan o jangkitan wabak Covid-19.

Pelajar perlu menjaga kesihatan diri dan memperbanyakkan minum air mineral atau air masak pada ketika

Begitu juga dengan Mohammad Nur Syukri Mohammad Zandri, 22, mahasiswa Jabatan Kejuruteraan Ele berkata, pada mulanya beliau berasa cemas tentang PKP ini disebabkan ada rakan-rakannya yang semester.

Namun memikirkan tentang risiko untuk balik pada waktu ini menyebabkan beliau mengambil keputusan u

“Antara aktiviti yang dapat saya lakukan adalah membaca buku, menonton filem dan paling utama kemudahan yang diberikan,” ujarnya yang bersyukur kerana menerima bantuan daripada kerajaan negeri

Pesanan beliau buat ibu bapanya yang berada di rumah agar mereka tidak perlu risau kerana UMP masih

Mohammad Nur Syukri turut menasihatkan pelajar UMP yang berada di mana sahaja agar menjaga ke

perkara yang berfaedah pada masa ini.

Beza antara alkohol dan arak

Oleh: Dr. Tuan Sidek Tuan Muda
e-Mel: sidek@ump.edu.my

Dalam suasana seluruh dunia termasuk negara kita dilanda wabak *Coronavirus* 19 (Covid-19), *hand sanitizer* telah menjadi keperluan masyarakat di pelbagai tempat khususnya di tempat-tempat tumpuan orang ramai. Sebelum pelaksanaan prosedur keselamatan di masjid-masjid juga disarankan untuk menyediakan *hand sanitizer* untuk kegunaan ahli jemaah. Walau bagaimanapun, dalam kalangan sebahagian orang Islam tentang penggunaan *hand sanitizer* kerana turut mengandungi alkohol menimbulkan perdebatan memperkenalkan *hand sanitizer* 'halal' yang bebas alkohol.

Kebimbangan ini boleh diatasi sekiranya masyarakat Islam faham perbezaan antara hukum arak dan haram. Ia berdalilkan firman Allah SWT yang bermaksud: "*Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sebarang dosa yang berhalal dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah (semuanya) kotor (keji) dari perspektif Allah. Menjauhinya supaya kamu berjaya.*" (Surah *al-Maaidah*: 90).

Nabi Muhammad SAW pula bersabda yang bermaksud: "*Setiap yang memabukkan adalah haram.*" (Riwayat *Bukhari* dan *Muslim*). Terdapat juga hadis lain yang bermaksud: "*Setiap yang memabukkan adalah haram sama ada ia halal atau haram.*" Ulama telah membuat kajian berkaitan *'illah* (punca atau sebab) hukum pengharaman arak dan dapatan hukumnya. Oleh itu, berdasarkan kepada nas al-Quran dan hadis yang telah disebutkan dan juga *qiyas* (analogi kerana terdapat persamaan), setiap yang memabukkan termasuk di dalam kategori arak dan haram untuk

Ulama terdahulu dengan kepakaran ilmu sains yang mereka miliki atau dengan bantuan kepakaran al-Ilmiah mencari punca yang menyebabkan orang yang meminum arak menjadi mabuk. Hasilnya, mereka dapati toksin di dalam arak. Walau bagaimanapun, alkohol itu bukanlah *'illah* (punca atau sebab) kepada pengharaman arak menjadikan haram. Di samping itu, jumbuh ulama termasuk Imam Syafi'i dan mazhab beliau yang berpendapat arak adalah najis. Arak adalah najis tetapi tidak semestinya alkohol juga najis.

Alkohol adalah satu kata nama induk yang merangkumi pelbagai jenis alkohol seperti metanol, etanol, propanol, dan lain-lain. Khusus, jenis alkohol yang terdapat di dalam arak ialah etanol atau dikenali juga dengan nama etil alkohol (penapaian) menggunakan glukosa dari sumber karbohidrat seperti jagung, barli dan dan pelbagai bijirin. Etanol kepada mabuk. Walau bagaimanapun, etanol tidak hanya ada di dalam minuman yang memabukkan. Ia juga terdapat dalam minuman yang telah melalui proses penapaian seperti tempe, kicap, tempoyak, tapai dan lain-lain. Ciri-ciri etanol membawa kepada memabukkan. Selain itu, etanol juga boleh dihasilkan secara sintetik melalui makmal. Konsep yang difahami oleh masyarakat ialah etanol bukanlah arak tetapi setiap yang memabukkan mengandungi etanol.

Dari sudut hukum fikah, etanol bukanlah najis kecuali jika diambil daripada arak. Sekiranya, etanol diperolehi melalui proses fermentasi yang dibuat semata-mata untuk penghasilan etanol bagi kegunaan industri atau terhasil sebagai by-product, ia boleh diminum kerana boleh memudaratkan.

Terdapat beberapa pandangan hukum yang telah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Melayu mengenai penggunaan alkohol. Antaranya ialah keputusan Muzakarah pada tahun 2011 yang menetapkan: "Alkohol yang dihasilkan dari pembuatan arak hukumnya tidak najis, tetapi haram (tidak boleh) diminum dalam bentuk aslinya kerana ia najis." "Makanan atau minuman yang mengandungi alkohol secara semulajadi seperti buah-buahan, kacang, dan lain-lain yang terkandung itu terjadi secara sampingan semasa proses pembuatan makanan atau minuman adalah tidak najis." dan "Ubat-ubatan dan pewangi yang mengandungi alkohol sebagai bahan pelarut adalah tidak najis dan boleh diminum jika bukan diambil melalui proses pembuatan arak."

Berdasarkan kepada penjelasan di atas, sebagaimana yang penulis faham melalui pembacaan dan penyelidikan, etanol dalam pelbagai industri perubatan dan barangan kegunaan seperti *hand sanitizer*, minyak wangi dan lain-lain adalah tidak najis dan boleh digunakan. Walau bagaimanapun, sekiranya ada pihak yang ingin memperluaskan kegunaan kesihatan seperti *hand sanitizer* dan lain-lain yang diperakukan halal oleh pihak berkuasa, fokus bukan kepada alkohol tetapi kepada sumber alkohol yang digunakan, proses penghasilan dan penyimpanan barangan tersebut untuk keselamatan barangan untuk kegunaan orang ramai.

Penulis adalah Pensyarah Kanan, Pusat Sains Kemanusiaan (PSK), Universiti Malaysia Pahang (UMPAH)

Israk Mikraj dan Kepentingan Mengenal al-A

Oleh: Dr. Ahmad Irfan Ikmal Hisham

e-Mel: irfan@ump.edu.my

Rejab merupakan bulan yang sinonim dengan peristiwa Israk dan Mikraj. Perjalanan malam Nabi Muhammad SAW ke al-Aqsa, sebelum dinaikkan ke langit, dirakamkan dalam al-Quran dan hadis.

Terdapat hikmah mengapa Nabi Muhammad SAW singgah ke al-Aqsa terlebih dahulu sebelum dinaikkan ke langit. Ini adalah lebih mudah dan dekat sekiranya Nabi Muhammad SAW terus diangkat ke langit dari Makkah. Terdapat juga riwayat yang mengatakan Nabi Muhammad SAW singgah ke Palestin terlebih dahulu, walaupun ketika itu wilayah tersebut dikuasai oleh kerajaan Rom Timur dengan nama Baitulmaqdis.

Terdapat beberapa nama lain yang sinonim dengan wilayah Masjidil al-Aqsa. Semasa zaman Nabi, diriwayatkan Nabi Muhammad SAW memanggil wilayah tersebut sebagai Baitulmaqdis dan Iliya'. Pada zaman sekarang, wilayah tersebut dikenali sebagai Masjidil Aqsa dan lain-lain.

Semasa Nabi diisrakkan ke Baitulmaqdis, tapak Masjidil Aqsa sebenarnya kosong tanpa bangunan. Baru setelah 40 tahun kemudian, iaitu pada tahun 70 M sebelum dijadikan kawasan sampah oleh Titus kerajaan Rom Timur.

Bagaimana Nabi solat di situ, termasuk dalam perkara ghaib yang wajib diimani, sama seperti status bulan Rejab yang disebut dalam hadis.

Ramai ulamak tafsir berpandangan bahawa itulah kesan kerosakan besar-besaran kedua ke atas orang Yahudi dalam surah *al-Isra'*, sehingga orang Yahudi hidup merempat di seluruh dunia atau apa yang dikenali sebagai Tanah Haram.

Selain itu, semasa Saidina Umar bin al-Khattab membuka Baitulmaqdis pada tahun 637, lima tahun sebelum Hijrah, antara tindakan pertama yang beliau lakukan ialah membina bangunan Masjidil Aqsa di tapaknya yang kosnya amat mahal.

Al-Tabari meriwayatkan, semasa Saidina Umar bin al-Khattab masuk ke tapak al-Aqsa, beliau bertanya kepada orang Yahudi yang memeluk agama Islam mengenai tapak di mana perlu dibina bangunan Masjidil Al-Aqsa. Beliau memilih *Dome of The Rock*, kerana di situlah tapak paling suci dalam agama Yahudi. Tetapi akhirnya beliau memilih untuk beribadat dan solat di bahagian paling selatan, kerana ia menghadap ke arah yang hampir ke arah kiblat. Saidina Umar beribadat sarap yang bertimbun di kawasan berkenaan sepanjang pemerintahan Rom (*The History of al-Tabari*, 11:100).

Masjidil Aqsa merupakan satu kawasan kompleks berpagar dengan keluasan sekitar 35 ekar. Ia dikenali sebagai Tanah Haram oleh orang tempatan, walaupun hakikatnya ia bukanlah salah satu Tanah Haram dalam agama Islam. Menjelang akhir zaman, kompleks Masjidil Aqsa adalah sama dengan pelan Kaabah.

Dalam kompleks pagar Masjidil Aqsa ini, terdapat banyak masjid-masjid kecil yang lain. Yang paling utama dan legar utama untuk solat, dikenali sebagai al-Masjid al-Qibliy. Masjid dengan kubah perak gelap ini sering dianggap sebagai yang sebenar, sedangkan ia merupakan salah satu daripada keseluruhan Masjidil Aqsa.

Bangunan al-Aqsa yang lain termasuklah Masjid Qubba al-Sakhrah, atau lebih dikenali sebagai *Dome of the Rock* oleh Malik bin Marwan. Kubah masjid berwarna emas, menjadi tarikan dari kejauhan untuk orang yang bermusafir ke masjid itu terdapat satu gua kecil. Batu di atas gua itulah dikatakan tempat Nabi Mikraj ke langit. Tiada orang lain sahaja yang boleh dilihat dengan jelas dalam masjid ini. Masjid *Dome of the Rock* ini juga adalah sebuah

yang paling diinginkan oleh Yahudi kerana mereka percaya itulah tapak paling suci untuk mereka dirikan 7

Selain itu terdapat juga Masjid Lama al-Aqsa, Masjid Marwan dan Masjid Buraq yang terletak di ruang ba letaknya Tembok Ratapan, tempat orang Yahudi meratap kerana menangihi kehancuran *temple* mereka ya

Di sekitar kawasan lapang al-Aqsa, terdapat banyak lagi binaan dan monumen lain, seperti mihrab, minb Semuanya dibina oleh pemerintah Islam dari satu khilafah ke khilafah yang lain, sebagai tanda kes sebagai satu kenyataan identiti Islam dan Arab di Masjidil al-Aqsa.

Pada tahun ini, sekali lagi sambutan Israk Mikraj di Palestin diraikan ketika masjid suci ketiga umat Islam Israel. Selain itu, ancaman Covid-19 juga melanda wilayah berkenaan. Sehingga tarikh artikel ini disiark positif Covid-19. Pihak pengurusan Masjidil Aqsa telah menutup keseluruhan masjid yang berbumb mengawal penularan wabak ini. Solat berjemaah masih diteruskan di kawasan dataran di belakang Masjid

Semoga Allah SWT memelihara Masjid al-Aqsa ini sehingga membolehkan kita solat di sana selepas dime

Penulis adalah Ketua Program Sains Kemanusiaan, Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Ts. Dr. Muhamad Mat Noor
muhamad@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
[safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

Mohd Suhaimi Hassan
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan tindakan yang tidak diterima untuk penyiaran selagi tidak diizinkan tidak semestinya menggariskan dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas pandangan yang dikemukakan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirinkan akan dikembalikan. Sumbangan karya akan dikembalikan kepada penerbit di:

EDITOR
Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: [safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



- 94 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG

Engineering - Technology - Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

